



Zuraida: K'jaan negeri boleh tetapkan sendiri had harga rumah untuk warga asing

Bernama | Diterbitkan 14 Okt 2019, 5:01 petang

Setiap kerajaan negeri masih boleh menetapkan had harga kediaman yang boleh dijual kepada pembeli warga asing berdasarkan keadaan semasa di negeri masing-masing, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin hari ini.

Katanya cadangan penurunan had harga kondominium dan pangsapuri di bandar yang boleh dibeli warga asing daripada RM1 juta kepada RM600,000 yang diumumkan dalam Belanjawan 2020 minggu lepas masih boleh diteliti semula mengikut keperluan sesebuah negeri.

"Dalam Belanjawan 2020 yang dibentangkan, Menteri Kewangan Lim Guan Eng menyebut untuk rumah-rumah yang diberikan (harga) jualan RM600,000 itu kerana ada lambakan kediaman sebanyak RM8.3 bilion dan juga untuk dihabiskan stok dan akan dilaksanakan pada tahun (hadapan) mulai 1 Jan 2020 hingga Dis 2020.

"Saya percaya jika kita melihat kepada statistik Pulau Pinang umpamanya, negeri ini mempunyai satu gambaran analisis statistik yang berbeza dengan Johor, Kedah dan sebagainya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Pemerikasaan Pihak Berkuasa Tempatan Kedua di George Town hari ini.

Beliau turut mengalu-alukan hasrat Kerajaan Pulau Pinang yang mahu mengkaji dan meneliti terlebih dahulu berhubung penurunan had harga daripada RM1 juta kepada RM600,000 seperti mana yang diumumkan Lim pada pembentangan Belanjawan 2020, Jumaat lepas.

"Saya menyokong hasrat kerajaan negeri Pulau Pinang untuk mengkaji dan melihat perkara ini sekiranya tidak bersesuaian dengan keadaan di negeri Pulau Pinang, ini kerana